

### BAB 1

Kedaulatan negara dapat dikekalkan melalui sistem pemerintahan dan pentadbiran yang stabil melalui pemerintahan yang adil dan berwibawa bagi mewujudkan kestabilan. Kestabilan wujud melalui pengukuhan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Institusi raja dipertahankan kerana raja merupakan simbol perpaduan dan kedaulatan. Apabila institusi raja semakin kukuh, kedaulatan negara juga dapat dikekalkan. Selain itu, amalan sifar rasuah melahirkan pentadbiran yang cekap. Seterusnya, memantapkan peranan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Kestabilan juga dapat diwujudkan dengan melaksanakan dasar yang memantapkan pentadbiran awam negara. Contohnya, Pelan Integriti Nasional. Dasar ini dapat membentuk kakitangan kerajaan yang bertanggungjawab dan amanah. Hasilnya, pentadbiran yang sistematik dan stabil dapat mengekalkan kedaulatan negara kita.

Sistem pemerintahan dan pentadbiran yang stabil dapat diwujudkan melalui usaha untuk meningkatkan kebajikan rakyat. Aspek ini perlu diberi keutamaan untuk mewujudkan kesejahteraan yang memberi kesan terhadap kedaulatan negara. Kerajaan memberi penekanan terhadap perpaduan rakyat pelbagai kaum. Pelbagai langkah dan program dilaksanakan untuk memupuk perpaduan. Contohnya, sambutan Hari Malaysia dan Hari Pahlawan Negara. Perpaduan mengukuhkan keamanan dan kestabilan negara. Selain itu, pemerintah dan kerajaan memberi keutamaan kepada bidang pendidikan bagi melahirkan masyarakat yang berilmu. Contohnya, memperkenalkan Falsafah Pendidikan Negara dan Akta Pendidikan 1996. Kesejahteraan sosial dapat melahirkan masyarakat yang mengutamakan keamanan, keharmonian dan kestabilan negara serta mempertahankan kedaulatan negara.

Kedaulatan negara juga dapat dikekalkan melalui tumpuan kepada pembangunan ekonomi oleh pemerintah dan kerajaan. Usaha dilakukan untuk melibatkan rakyat dalam kegiatan ekonomi yang pelbagai. Semua kaum diberi peluang yang sama rata untuk bersaing dalam ekonomi secara adil. Kerajaan juga memperkenalkan pelbagai inovasi dan perubahan dalam pembangunan ekonomi. Contohnya, pengenalan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional. Dapat dirumuskan bahawa kemakmuran ekonomi menyumbang kepada kestabilan pemerintahan dan pentadbiran negara. Kestabilan ini akan mengukuhkan lagi kedaulatan negara Malaysia.

*(Mana-mana jawapan munasabah diterima)  
(Maksimum = 8 markah)*